



GALERI MEDIA SERBANIKA

No.28 Jalan Pahang Barat  
Off Jalan Pahang  
53000 Kuala Lumpur

T: 03-40213343 F: 03-40255609

Ruj: GMSB/HR/GAJI24/NNA/17  
01 November 2024

## SULIT & PERSENDIRIAN

Kepada

**CIK NURUL NAJWA ABDULLAH**

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Cik,

### **SKIM GAJI BAHARU DAN PENYELARASAN PENDAPATAN**

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

1. Selaras dengan penstrukturan semula organisasi syarikat yang melibatkan pelarasan gaji dan faedah, Cik ditawarkan jawatan sebagai **EKSEKUTIF PRODUKSI (DESIGNER)** di bawah Jabatan Produksi dan Digital **BERKUATKUASA 1 NOVEMBER 2024** dengan gaji dan elaun adalah seperti berikut:

| Gaji Pokok | Elaun Prestasi | Elaun Khas |
|------------|----------------|------------|
| RM 1,800   | RM 200         | RM 75      |

2. Penyelarasan ini adalah bagi meningkatkan kualiti dan perkhidmatan di setiap peringkat tatacara kerja dan bagi menyelaraskan semula penstrukturan kewangan dan keutuhan operasi syarikat secara keseluruhan.

3. Pihak syarikat akan memperincikan kaedah dan tatacara penyelarasan gaji seperti Lampiran yang disertakan di dalam surat ini. Pihak Cik diminta untuk menandatangani persetujuan penyelarasan selewat-lewatnya **5 November 2024** bagi tujuan kemasukan sistem penggajian.

4. Pihak syarikat mengucapkan ribuan terima kasih atas sokongan berterusan yang diberikan dan semoga Cik dapat mempertingkatkan komitmen dan prestasi kerja.

Sekian.

Yang Menjalankan Tugas

**KHAIRUL NADZIR HELMI AZHAR**  
Ketua Pegawai Operasi  
Galeri Media Serbanika Sdn Bhd

Sk Ketua Pegawai Eksekutif  
Bahagian Kewangan  
File



GALERI MEDIA SERBANIKA

No.28 Jalan Pahang Barat  
Off Jalan Pahang  
53000 Kuala Lumpur

T: 03-40213343 F: 03-40255609

**LAMPIRAN 1**  
**SURAT PERJANJIAN PERSETUJUAN**  
**PENYELARASAN DAN SKIM BAHARU GAJI KAKITANGAN**

1. Pihak Cik akan dikekalkan berkhidmat sebagai **Pekerja Tetap**.
2. Berikut adalah Alamat pelaporan kerja harian dan lapor diri perkhidmatan :  
  
**GALERI MEDIA SERBANIKA SDN BHD**  
**NO.28 JALAN PAHANG BARAT, OFF JALAN PAHANG**  
**53000 KUALA LUMPUR**
3. Gaji Asas yang akan diterima pihak Cik adalah berjumlah **RM 1,800**. Jumlah ini tidak termasuk pemotongan KWSP dan SOCSO.
4. Elaun yang akan diterima pihak Cik adalah berjumlah **RM 200** bagi elaun prestasi dan **RM 75** bagi elaun khas.
5. **Elaun Prestasi** adalah bergantung kepada prestasi yang ditetapkan oleh Jabatan Sumber Manusia dan Pentadbiran bagi memastikan kualiti perkhidmatan dapat dilaksanakan dengan lebih baik. Pihak Cik akan dibekalkan dengan Surat Pekeliling Prestasi yang disediakan oleh Jabatan Sumber Manusia dan Pentadbiran.
6. **Elaun Khas** adalah sumbangan yang diberikan oleh pihak syarikat bagi menghargai usaha dan sumbangan dalam menjayakan agenda syarikat dan mencapai halatuju yang berkualiti. Elaun ini akan bergantung kepada kekuatan kewangan syarikat daripada masa ke masa.
7. Pihak Syarikat akan mengadakan sesi libat urus secara kerap bagi memastikan ketelusan dan kelestarian suasana bekerja sepanjang tempoh pihak tuan berkhidmat.

.....

Saya \_\_\_\_\_ bernombor kad pengenalan \_\_\_\_\_ dan memegang No Kakitangan GMSB54 memahami dan bersetuju / tidak bersetuju dengan penyelarasan dan skim gaji baharu yang telah ditetapkan. Persetujuan ini adalah tidak dipaksa dan atas kerelaan saya sendiri bagi membangunkan syarikat ini.

Saya Yang Mengesahkan

Saya Yang Bersaksi

.....  
Nurul Najwa Abdullah

.....  
Nur Hafizah Ibrahim  
Jab. Pentadbiran dan Sumber Manusia